

## KPDNHEP sokong konsert artis Taiwan?

Zuhainy Zulkiffli  
am@metro.com.my

KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang menafikan terbabit dengan penganjuran konsert di Spice Arena, Georgetown, bulan lalu.

Pengarahnya, Mohd Ridzuan Ab Ghapar berkata, ia berikutan logo KPDNHEP yang tertera pada promosi Konsert Fantastic Duo 2019 tidak pernah mendapat kelulusan agensi berkenaan.

Menurutnya, susulan itu pasukan penguat kuasa KPDNHEP sudah ke lokasi penganjuran konsert bagi mendapatkan maklumat mengenainya.

“Kita tidak pernah memberi kebenaran kepada penganjuran konsert ini dan KPDNHEP sudah membuat laporan polis pada 22 September berhubung isu berkenaan.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 16 (1) Akta Perihal Dagangan 2011 kerana membuat representasi palsu bahawa perkhidmatan mereka diluluskan agensi kerajaan,” katanya dalam sidang media di Georgetown, hari ini.

Menurutnya, pengajur juga diminta tampil ke pejabat agensi terbabit bagi memberi penjelasan, namun tidak hadir seperti yang dijanjikan dan usaha bagi mendapatkan keterangan akan terus dilakukan untuk tindakan susulan.

Konsert anjuran WTW Entertainment Sdn Bhd dijadualkan berlangsung jam 7.45 malam, 21 September lalu dibatalkan jam 9.30 malam hari sama.

Ia mengetengahkan dua penyanyi Taiwan, David Teo serta Shin dan difahamkan sebanyak 6,000 tiket terjual berharga antara RM158 hingga RM588.

Selain KPDNHEP, promosi konsert turut menggunakan logo Cuti-Cuti Malaysia, Malaysia Truly Asia dan Visit Truly Asia Malaysia 2020.

Mengulas lanjut, Mohd Ridzuan berkata, sehingga ini KPDNHEP belum menerima tuntutan pampasan daripada pembeli menerusi Tribunal Tuntutan Pengguna.

Katanya, aduan mengenainya juga diterima menerusi pembeli yang tampil membuat laporan di Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak.

“Kita mendapati pengajur mempunyai rekod penganjuran beberapa konsert sebelum ini, namun ini kali pertama mereka menggunakan logo agensi kerajaan.

“Justeru, kami menggesa orang ramai atau pembeli tiket supaya tampil membuat tuntutan, sekali gus menyalurkan maklumat dan membantu siasatan,” katanya.

Menurutnya, pengajur yang sama didapati turut menganjurkan Massive Worldwide Festival 2019 di Stadium Batu Kawan pada 4 hingga 6 Oktober ini.

Promosi program membabitkan artis terkenal antarabangsa itu turut menggunakan logo KPDNHEP sebagai penyokong program.

“Kami akan bekerjasama dengan pihak polis dalam membantu siasatan sekiranya didapati ia membabitkan penipuan dan peruntukan akta lebih besar atau berunsurkan jenayah,” katanya.

Artikel ini disiarkan pada : Rabu, 2 Oktober 2019 @ 3:01 PM



MOHD Ridzuan menunjukkan poster tertera logo KPDNHEP. FOTO SHAHNAZ FADZLIE SHAHRIZAL

